



**GARIS PANDUAN LAPORAN**  
**ANUGERAH IKON MUDA KOPERATOR SEKOLAH**  
**2026**

**TEMA**  
**"KOPERASI SEKOLAH: MILIK BERSAMA, MEMBINA**  
**KEPIMPINAN DAN KEUSAHAWANAN MADANI"**

**TEMPOH PENGLIBATAN**  
**1 JANUARI 2022 – 31 JULAI 2026**

**ANJURAN**  
**UNIT KOPERASI SEKOLAH, SEKSYEN PENDIDIKAN,**  
**BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PERNIAGAAN,**  
**KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI**  
**ANGKASA**

## PENGENALAN

**Anugerah Ikon Muda Koperasi Sekolah** diperkenalkan oleh Bahagian Sekolah ANGKASA pada tahun 2018 bertujuan mengiktiraf jasa dan sumbangan murid/pelajar dalam aktiviti koperasi sekolah. Oleh itu, garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada koperator (murid/pelajar) dalam pencalonan sebagai penerima **Anugerah Ikon Muda Koperasi Sekolah 2026**.

Anugerah ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan semangat kepada koperator (murid/pelajar) di Malaysia untuk lebih aktif dalam mempraktikkan budaya koperasi dan tugas-tugas di koperasi sekolah. Anugerah ini juga mengambil kira keseimbangan calon koperator dalam akademik dan kokurikulum terutamanya penglibatan aktiviti koperasi sepanjang **5 (lima) tahun yang bermula 1 Januari 2022 – 31 Ogos 2026**.

## OBJEKTIF ANUGERAH

- a) Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada koperator murid yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam aktiviti-aktiviti koperasi sekolah.
- b) Menggalakkan penglibatan lebih ramai murid dalam aktiviti koperasi dan menonjolkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi sekolah dan agensi.
- c) Mengangkat peranan koperator muda dalam agenda pendidikan negara melalui koperasi sekolah.

## PENYERTAAN

- a) Terbuka kepada semua koperator (murid/pelajar) koperasi sekolah (ahli ANGKASA) di Malaysia.
- b) Setiap koperasi sekolah boleh menghantar **maksimum 2 (dua) pencalonan** dan calon dikehendaki untuk mengisi **Google Form** penghantaran pencalonan Ikon di <https://bit.ly/IkonKoperasi2026>
- c) **2 kategori** pencalonan:
  1. Kategori calon murid lelaki,
  2. Kategori calon murid perempuan.

## TARIKH CADANGAN PELAKSANAAN

- 🚩 Tempoh penglibatan: **1 Januari 2022 – 31 Julai 2026.**
- 🚩 Tarikh akhir penghantaran laporan anugerah: **7 Ogos 2026 (Jumaat).**
- 🚩 Tarikh temuduga/pembentangan (Cadangan): **26 - 28 Ogos 2026**
- 🚩 Tarikh anugerah peringkat kebangsaan (Cadangan): **31 Oktober – 2 November 2026**

# Nota : Perubahan tarikh, tempat dan format penilaian akhir adalah bergantung kepada perubahan dari semasa ke semasa.

## LAPORAN PENUH PENCALONAN

Laporan penglibatan calon dibahagikan kepada **11 bahagian** iaitu:

- Bahagian A: Biodata murid (1%)
- Bahagian B: Pencapaian akademik (2%)
- Bahagian C: Aktiviti koperasi sekolah (30%)
- Bahagian D: Penyertaan dalam kursus anjuran ANGKASA, SKM dan IKMa (6%)
- Bahagian E: Sumbangan Utama Dalam Koperasi Sekolah (10%)
- Bahagian F: Idea kreatif dan inovasi dalam perniagaan/aktiviti koperasi (10%)
- Bahagian G: Aktiviti kokurikulum lain (10%)
- Bahagian H: Aktiviti khidmat masyarakat (10%)
- Bahagian I: Penerimaan Pengiktirafan dan penghargaan (10%)
- Bahagian J: Motto kejayaan (1%)
- Bahagian K: Penulisan esei (10%)

### 1.0 BAHAGIAN A: BIODATA MURID

Calon dikehendaki untuk melengkapkan maklumat-maklumat berikut:

- 1.1. Nama Penuh
- 1.2. No. Kad Pengenalan
- 1.3. Alamat Rumah
- 1.4. Jantina
- 1.5. Umur
- 1.6. Warganegara
- 1.7. Bangsa
- 1.8. Agama

- 1.9. No. Telefon murid/pelajar
- 1.10. E-mel murid/pelajar

## **2.0 BAHAGIAN B: PENCAPAIAN AKADEMIK**

Calon dikehendaki untuk melengkapkan maklumat berkaitan latar belakang pendidikan dan melampirkan **salinan sijil atau dokumen** sebagai bukti pengesahan:

- 2.1. Nama sekolah, nama peperiksaan dan keputusan peperiksaan.
- 2.2. Nama sijil-sijil lain (selain peperiksaan utama).

## **3.0 BAHAGIAN C: AKTIVITI KOPERASI SEKOLAH**

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua penglibatan dan pencapaian aktiviti Koperasi sekolah yang pernah diceburi serta melampirkan **salinan sijil atau dokumen-dokumen** sebagai bukti pengesahan penglibatan murid/pelajar.

- 3.1. Peringkat Sekolah
- 3.2. Peringkat Daerah
- 3.3. Peringkat Bahagian
- 3.4. Peringkat Zon
- 3.5. Peringkat Negeri
- 3.6. Peringkat Kebangsaan
- 3.7. Peringkat Antarabangsa

Calon dikehendaki menyatakan dengan jelas **nama program, tarikh program dan jawatan yang disandang.**

## **4.0 BAHAGIAN D: PENGLIBATAN DALAM KURSUS ANJURAN ANGKASA, SKM DAN IKMa**

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua kursus anjuran ANGKASA yang pernah dihadiri dan **melampirkan salinan sijil penyertaan sebagai bukti pengesahan** penyertaan murid/pelajar. Sila nyatakan:

- 4.1 Nama Kursus
- 4.2 Tarikh Kursus
- 4.3 Impak Kursus

## 5.0 BAHAGIAN E: SUMBANGAN UTAMA DALAM KOPERASI SEKOLAH

Calon diminta untuk menyatakan sumbangan utama murid/pelajar kepada koperasi sekolah yang telah menjadi kebanggaan serta mengharumkan nama sekolah. **(Jika ada)** sila nyatakan:

- 5.1 Jenis Sumbangan
- 5.2 Keterangan
- 5.3 Pengesahan dari Koperasi sekolah

## 6.0 BAHAGIAN F: IDEA KREATIF DAN INOVATIF DALAM PERNIAGAAN/AKTIVITI KOPERASI

Sila nyatakan **idea kreatif atau inovasi** yang **telah dilaksanakan** di koperasi sekolah dalam aktiviti ekonomi, sosial atau budaya. Calon juga diminta untuk mengemukakan idea kreatif dan inovasi kepada koperasi sekolah untuk membangun dan mengembangkan perniagaan koperasi sekolah **pada masa akan datang**.

## 7.0 BAHAGIAN G: PENGLIBATAN DALAM LAIN-LAIN AKTIVITI KOKURIKULUM

Calon dikehendaki untuk menyenaraikan semua penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum (**selain koperasi**) yang pernah diceburi serta **melampirkan salinan sijil atau dokumen-dokumen** sebagai bukti pengesahan penglibatan murid/pelajar.

- 7.1 Peringkat Sekolah
- 7.2 Peringkat Daerah
- 7.3 Peringkat Zon
- 7.4 Peringkat Bahagian
- 7.5 Peringkat Negeri
- 7.6 Peringkat Kebangsaan
- 7.7 Peringkat Antarabangsa

## 8.0 BAHAGIAN H: AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT

Calon diminta untuk menyenaraikan semua **aktiviti luar dari sekolah** seperti penglibatan aktiviti kemasyarakatan di kampung, taman, masjid, surau, pemain

kompang majlis perkahwinan dan sebagainya (**jika ada**) dengan **melampirkan salinan sijil atau dokumen-dokumen** sebagai bukti pengesahan penglibatan murid/pelajar). Sila nyatakan lengkap:

- 8.1 Nama Program
- 8.2 Tarikh Program
- 8.3 Peranan murid/pelajar dalam program

## **9.0 BAHAGIAN I: PENERIMAAN PENGIKTIRAFAN, PENCAPAIAN DAN PENGHARGAAN**

Calon diminta untuk menyenaraikan semua pengiktirafan yang pernah diterima (**Jika ada**) dan **melampirkan salinan sijil atau dokumen sebagai bukti pengesahan**. Pengiktirafan/pencapaian/penghargaan ini boleh dipecahkan kepada lima (5) peringkat seperti berikut:

- 9.1 Peringkat Sekolah
- 9.2 Peringkat Daerah
- 9.3 Peringkat Bahagian
- 9.4 Peringkat Zon
- 9.5 Peringkat Negeri
- 9.6 Peringkat Kebangsaan
- 9.7 Peringkat Antarabangsa

## **10.0 BAHAGIAN J: MOTO KEJAYAAN**

Calon dikehendaki untuk menulis **moto kejayaan** sebagai motivasi kepada diri calon dan koperator murid/pelajar yang lain. Contoh Moto ialah “**Gagal sekali tidak bermakna gagal selamanya**”. Moto kejayaan ini hendaklah ringkas dan padat.

## **11.0 BAHAGIAN K: PENULISAN ESEI**

Calon dikehendaki untuk membuat karangan pendek bertajuk “**Mengapa saya layak dipilih sebagai Ikon Koperator Muda Koperasi Sekolah 2026?**” Calon hendaklah memastikan penulisan esei menyentuh **aspirasi, matlamat dan hala tuju** calon setelah tamat persekolahan. Penulisan esei hendaklah menggunakan tulisan **Arial bersaiz 11 dan** hendaklah tidak lebih daripada **500 patah perkataan**.

## PENILAIAN ANUGERAH IKON MUDA KOPERATOR

Calon akan dinilai berdasarkan format dalam setiap bahagian. Peratusan markah yang dipaparkan adalah sebagai ilustrasi kepada setiap calon berkaitan pemberat setiap bahagian. Walau bagaimanapun **peratusan markah ini boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut ketetapan Jawatankuasa Penilai**. Proses penilaian akan melalui tapisan tiga **(3) peringkat** iaitu:

- **Peringkat tapisan** Laporan Anugerah Ikon Muda Koperator Sekolah 2026 akan dijalankan oleh ANGKASA.
- **Temuduga** calon Ikon Muda Koperator Sekolah 2026 oleh panel juri yang dilantik.
- **Pembentangan** oleh calon yang telah disenarai pendek ke Peringkat Kebangsaan Anugerah Ikon Muda Koperator Sekolah 2026.

## PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan Anugerah Ikon Muda Koperator Sekolah 2026 bolehlah diutarakan kepada Unit Koperasi Sekolah, Seksyen Pendidikan, ANGKASA di talian : **03-7884 6606 / 03-7884 6607 / 03-7884 6624** dan email [edu.angkasa@gmail.com](mailto:edu.angkasa@gmail.com)

## PANDUAN MELENGKAPKAN PENGHANTARAN PENCALONAN

- a) Calon-calun juga perlu melengkapkan “**Google Forms**” dan disertakan dengan link/pautan laporan pencalonan yang telah dikongsikan dengan [edu.angkasa@gmail.com](mailto:edu.angkasa@gmail.com) sebagai sokongan (backup). Pautan “**Google Forms**” Ikon Koperator Muda Pelancongan Koperasi Sekolah 2026 boleh didapati di <https://bit.ly/IkonKoperatorMuda2026> atau menerusi kod QR dibawah:



- a) Setiap pengiktirafan atau kejayaan hendaklah **dilampirkan dengan bukti sijil atau gambar piala/pingat/plak.**
- b) **Laporan pencalonan (dicetak)** yang lengkap hendaklah diserahkan kepada **Bahagian Pendidikan Dan Perniagaan, Kumpulan Pembangunan Koperasi, Unit C311, Tingkat 2, Blok C, Glomac Business Centre, Jalan SS 6/1, SS6, 47301 Petaling Jaya, Selangor,** pada **atau** sebelum **7 Ogos 2026 (Jumaat) jam 4.30 petang.**
- c) Laporan yang dihantar selepas daripada tarikh dan masa di atas **tidak akan dinilai.** Urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kesilapan penghantaran laporan pencalonan ke Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri dan lain-lain agensi.

## **HADIAH ANUGERAH IKON MUDA KOPERATOR SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2026**

Hadiah berupa trofi, wang tunai, sijil penyertaan dan sijil pencapaian akan diberikan kepada pemenang-pemenang.

### **HAL-HAL LAIN**

- a) Sijil Penyertaan Ikon Muda Koperator Sekolah 2026 akan diberikan kepada semua koperator (murid/pelajar) yang telah **menghantar Laporan Pencalonan Ikon.**
- b) Setiap calon dikehendaki mengisi **Google Form** penghantaran mengikut garis panduan ini.

- c) Koperasi sekolah dikehendaki memaklumkan kepada Pegawai Unit Koperasi Sekolah, Seksyen Pendidikan, ANGKASA sekiranya laporan yang lengkap telah dihantar.
- d) **Tarikh yang dinyatakan dalam garis panduan ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.**
- e) Segala keputusan Jawatankuasa Penilai adalah **MUKTAMAD**. Sebarang bantahan tidak akan diterima.
- f) Semua maklumat dan dokumen yang dihantar akan menjadi **hak milik ANGKASA** sepenuhnya.
- g) Laporan Pencalonan (**hardcopy**) yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

**BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PERNIAGAAN,  
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI,  
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA (ANGKASA)  
UNIT C311, TINGKAT 2,  
BLOK C, GLOMAC BUSINESS CENTRE,  
JALAN SS 6/1, SS6, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR.  
(U/P: UNIT KOPERASI SEKOLAH)**

**No. Telefon: 03-7884 6606 / 6606 / 6624**

**Laman web: [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop)**

**Email : [edu.angkasa@gmail.com](mailto:edu.angkasa@gmail.com)**

**FALSAFAH KOPERASI :  
BEKERJA BERSAMA-SAMA DEMI MANFAAT BERSAMA**

**PEGAWAI UNIT KOPERASI SEKOLAH**

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO TEL BIMBIT</b>	<b>EMAIL</b>
1	En. Hasbullah bin Hamdin	012-242 7233	<a href="mailto:edu.angkasa@gmail.com">edu.angkasa@gmail.com</a>
2	En. Muhammad Hafifi bin Hamdan	012-464 6231	
3	Cik. Noor Azlina binti Sharif	017-652 5924	
4	En. Samsul Bin Sarraji	019-407 9410	
5	Cik Siti Nadratun Farhana binti Mohd Hatta	017-277 9916	